

BAHAGIAN A
[30 MARKAH]

1. Siapakah sahabat yang menyembunyikan keislamannya?
 - A Saidina Ali r.a
 - B Saidina Abu Bakar r.a
 - C Saidina Bilal bin Rabah r.a
 - D Saidina Umar Al-Khattab r.a

2. Muallaf dari segi Bahasa ialah _____
 - A Liar
 - B Jinak
 - C Cergas
 - D Lemah

3. Pengertian tadarruj dari segi bahasa ialah _____
 - A Pukal
 - B Perlahan
 - C Sekaligus
 - D Berperingkat

4. Perbincangan terhadap Islam hendaklah berpaksikan kepada nilai _____ dan _____.
 - A Kuasa, darjat
 - B Dosa, pahala
 - C Ilmu, akhlak
 - D Harta, pangkat

5. Apakah hukum membaca Al-Fatihah dalam bahasa selain Bahasa Arab di dalam solat bagi muallaf yang baru sahaja memeluk Agama Islam?
 - A. Tidak harus
 - B. Harus
 - C. Makruh
 - D. Haram

6. Secara umumnya, mazhab yang diamalkan di Malaysia adalah _____
- A Mazhab Hanbali
 - B Mazhab Syafie
 - C Mazhab Maliki
 - D Mazhab Hanafi
7. Hukum menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tasyahhud adalah _____
- A Wajib
 - B Sunat
 - C Makruh
 - D Sunat Muakkad
8. Siapakah nama tokoh sahabat yang telah menganut pelbagai jenis agama sebelum diberi hidayah untuk memeluk Agama Islam?
- A Saiyyidina Bilal Bin Rabah
 - B Saiyyidina Salman Al-Farisi
 - C Saiyyidina Ali Bin Abi Thalib
 - D Saiyyidina Uthman Bin 'Affan
9. Pada waktu manakah kita semua wajib mengingati Allah SWT?
- A Ketika mengerjakan solat
 - B Ketika sakaratulmaut
 - C Ketika diri dalam keadaan susah
 - D Sepanjang masa
10. Ketika ditanya tentang di manakah Allah berada? ,Apakah jawapan yang paling baik untuk maklumkan kepada orang yang bertanya?
- A Allah berada di atas
 - B Allah tidak bertempat
 - C Allah berada di kiri dan kanan kita
 - D Allah berada di mana-mana sahaja

11. Ketika ditanya tentang bagaimanakah bentuk Allah? Apakah jawapan yang paling tepat untuk kita maklumkan kepada orang yang bertanya?
- A Allah tidak sebanding dengan apa-apa makhluk
 - B Allah juga mempunyai anggota badan seperti tangan
 - C Allah mempunyai penglihatan yang berbeza dengan manusia
 - D Allah mempunyai pendengaran yang berbeza dengan manusia
12. 'Fiqh' dari sudut bahasa adalah _____
- A Faham
 - B Ilmu
 - C Hukum
 - D Syariat
13. *Fiqh Muallaf* adalah ilmu yang membincangkan mengenai hukum hakam berkaitan _____ muallaf yang mukallaf berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.
- A Kisah
 - B Akidah
 - C Akhlak
 - D Perbuatan
14. Taqirir Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu sumber dalam penetapan sesuatu hukum. Apakah yang dimaksudkan dengan taqirir?
- A Perkataan
 - B Perilaku
 - C Pengakuan
 - D Bantahan
15. Perkara asas untuk memeluk agama Islam adalah dengan _____
- A Mengucap dua kalimah syahadah
 - B Berjumpa dengan Pegawai Agama Islam
 - C Membuat pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Muallaf
 - D Mendapatkan surat kebenaran daripada ibu bapa

16. Apakah perkara utama yang ditekankan oleh Rasulullah SAW kepada muallaf yang baru memeluk agama Islam?
- A Ibadah solat
 - B Amalan kebaikan
 - C Akidah dan tauhid
 - D Keredhaan ibu bapa
17. Manakah antara jawapan di bawah merupakan adat yang **TIDAK** bertentangan dengan syarak?
- A Deepavali
 - B Minum teh di hadapan ibu bapa untuk memperkenalkan pasangan
 - C Ponggal
 - D Lenggang perut ibu yang bersalin
18. Imam Mazhab Syafie meletakkan hukum haram bagi Bukan Muslim untuk membaca al-Qur'an berdasarkan hujah bahawa bukan Muslim adalah dalam keadaan berjunub dan _____.
- A Merupakan kafir dzimmi
 - B Bukan Muslim merupakan najis
 - C Bacaannya yang tidak bertajwid
 - D Belum mengucap dua kalimah syahadah
19. Siapakah tokoh yang mengumumkan pengislamannya secara terang-terangan?
- A Umar Ibn Aziz
 - B Bilal ibn Rabbah
 - C Ammar ibn Yaseer
 - D Umar Ibn Al-Khattab
20. Apakah hukum mandi kerana memeluk Islam?
- A Wajib
 - B Sunat
 - C Haram
 - D Makruh

21. Hukum berkhatan bagi lelaki dan perempuan adalah _____ bagi pendapat Imam Syafie rahimallahu 'anhu.
- A Makruh
 - B Wajib
 - C Sunat
 - D Harus
22. Berikut merupakan kaedah bagi menggantikan bacaan Al-Fatihah bagi muallaf yang tidak tahu membaca al-Fatihah dalam solat **KECUALI**
- A Diam selama beberapa saat selama bacaan al-fatihah
 - B Membaca zikir
 - C Membaca mana-mana surah yang diketahui
 - D Melaungkan azan
23. Siapakah sahabat yang mengisytiharkan keislamannya di khalayak ramai?
- A Saidina Ali r.a.
 - B Saidina Ammar Bin Yasir r.a.
 - C Saidina Umar Al-Khattab r.a
 - D Saidina Abu Bakar As-Siddiq r.a.
24. Apakah hukum melafazkan kalimah syahadah dalam Bahasa Arab?
- A Sunat
 - B Wajib
 - C Makruh
 - D Haram
25. Apakah hukum berkhatan bagi lelaki dan perempuan menurut pendapat Imam Malik rahimallahu an'hu?
- A Sunat
 - B Wajib
 - C Harus
 - D Makruh

26. Siapakah nama sahabat Nabi SAW yang buta, yang disebut dalam surah Ābasa?
- A Ali Bin Abi Thalib
 - B Usamah Bin Zaid
 - C Zubair Al-Awwam
 - D Abdullah Bin Ummi Maktum
27. Berikut merupakan sikap yang tidak patut ada pada orang islam apabila berdepan dengan muallaf yang baru memeluk agama Islam **KECUALI**
- A Merasakan bahawa muallaf memeluk Islam kerana harta
 - B Merasakan bahawa muallaf memeluk Islam kerana perkahwinan
 - C Merasakan bahawa muallaf memeluk Islam kerana Hidayah daripada Allah SWT
 - D Merasakan bahawa muallaf memeluk Islam kerana ingin dapatkan perlindungan
28. Ciri-ciri mukallaf adalah seperti di bawah **KECUALI**
- A Baligh
 - B Terikat
 - C Berakal
 - D Beragama Islam
29. Contoh perbahasan fiqh adalah seperti berikut **KECUALI**
- A Solat
 - B Aqidah
 - C Wudhuk
 - D Thoharah
30. Usamah ibn Zaid hampir membunuh musuh yang telah mengucapkan dua kalimah syahadah ketika dalam peperangan lalu ditegur Nabi Muhammad SAW. Hal ini menunjukkan bahawa _____
- A Wajib membunuh kafir harbi
 - B Wajib bertanya dan merujuk Rasulullah dalam segala hal
 - C Wajib seseorang muslim keluar berperang mempertahankan Islam
 - D Haram membunuh individu yang mengucap dua kalimah syahadah